

14/01/2001

PM hadir majlis hari raya Wanita Umno

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menghadiri Majlis Hari Raya Pergerakan Wanita Umno di Istana Budaya, di sini petang semalam.

Perdana Menteri disambut ahli pergerakan itu di perkarangan Istana Budaya ketika hujan. Beliau meluangkan masa kira-kira sejam di majlis berkenaan.

Turut hadir, isteri Timbalan Perdana Menteri, Datin Seri Endon Mahmood; Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob dan Ketua Wanita Umno, Datuk Seri Rafidah Aziz.

Sementara itu, Rafidah dalam sidang akhbar berkata, penubuhan Puteri Umno akan dibincangkan dalam mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno akan datang.

Beliau berkata, selepas menerima maklum balas daripada ahli di peringkat akar umbi, Wanita mencadangkan had umur Puteri Umno ditetapkan 30 tahun ke bawah dan ia adalah badan berasingan daripada pergerakan itu.

"Jawatankuasa penaja yang bakal dilantik akan menubuhkan Puteri Umno di semua peringkat sama seperti Pergerakan Wanita dan Pemuda," katanya sambil menambah terserah kepada MT untuk melantik ketua penaja.

Antara cadangan lain sudah dikemukakan kepada MT ialah Ketua Puteri Umno menjadi ahli MT dan selepas mencapai umur 30, ahli boleh memilih untuk menyertai Wanita atau Umno.

Selepas itu, Perdana Menteri dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali meraikan bekas penuntut Kolej Sultan Abdul Hamid dalam majlis sambutan Aidilfitri di Seri Perdana, Putrajaya bermula jam 5 petang.

Dr Mahathir yang juga Presiden Persatuan Bekas Penuntut Kolej Sultan Abdul Hamid, Alor Setar menjadi tuan rumah kepada 1,000 anggotanya.

(END)